

KAJIAN TERHADAP PERMASALAHAN

BEG BERAT SEKOLAH

(Pelajar takun 1-3)

Disediakan oleh:

Mohd Bakiirin b. Masnan

No Matrik:

SARJANA MUDA SENIREKA PERINDUSTRIAN

FAKULTI SENILUKIS DAN SENI REKA

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)

SHAH ALAM SELANGOR DARUL EHSAN

2000.

Penghargaan

BISMILLAHIRRA HM ANIRRAHIM.....

Assalamualaikum w.b.t diucapkan kepada pihak pemeriksa dan para pembaca. Saya berterima kasih kehadiran Uahi kerana telah melimpahkan kurnia Nya kepada penulis, kerana berkat restunya, penulisan tesis ini telah dapat disempurnakan dengan jayanya. Diucapkan jutaan terima kasih kepada pihak-pihak yang terlibat terutamanya para pensyarah yang memberi garis panduan dalam usaha mencari, mengumpul dan menganalisa maklumat untuk penghasilan sebuah buku kajian yang bernilai kepada penulis. Diucapkan juga jutaan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang sama-sama berusaha dalam mengejar sebuah impian untuk menjadi seseorang yang digelar sebagai pemegang ijazah yang mempunyai kualiti dan disiplin yang tinggi. Tidak lupa juga kepada ibu-bapa penulis dan keluarga yang telah memberi dorongan dan galakan, dan telah memberi semangat juang yang tinggi, hinggakan penulis berada pada tahap ini.

Penghasilan tesis ini merupakan salah satu usaha penulis untuk membantu masyarakat, bangsa dan negara dalam memajukan dunia pendidikan di Malaysia. Penghasilan tesis ini banyak dibantu oleh pihak kementerian yang mempunyai kepakaran dan pengalaman yang luas dalam dunia pendidikan. Terima kasih diucapkan kepada mereka. Penulisan ini telah ditulis dalam bahasa yang mudah

SINOPSIS

Hampir 10 tahun Kementerian Pendidikan mencari jawapan kepada masalah beg berat yang dihadapi oleh para pelajar sekolah rendah. Bertukar daripada seorang menteri hinggalah kepada Tan Sri Musa Mohamad masalah ini masih tidak selesai.

Setelah sekian lama teraba-raba, akhirnya baru-baru ini Menteri Pendidikan telah menemui jawapan kepada masalah " besar " itu. Menurut beliau punca beg berat itu ialah beg sekolah yang digunakan oleh para pelajar memang berat. Walaubagaimanapun, Prof. Diraja Ungku Aziz baru-baru ini mengeluarkan satu pendapat yang bernas berhubung masalah beg berat ini. Menurut beliau, beg berat yang ditanggung oleh para pelajar sekolah rendah ini adalah disebabkan oleh buku teks yang tebal. Tegasnya, masalah beg berat yang membebankan pelajar bukannya disebabkan oleh beg itu sendiri tetapi apa yang terkandung di dalam beg tersebut.

Kemajuan sesebuah negara banyak bergantung kepada keupayaan masyarakatnya mengadaptasikan perubahan serta mengeksploitasikan segala ilmu dan teknologi yang ada. Disamping itu keupayaan meneroka elemen-elemen baru juga mampu membawa kepada peningkatan kemajuan dan seterusnya menambah baik tahap kehidupan seluruhnya. Dengan sistem sekolah Bestari yang menepati piawai ISO 9000 yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, ia serba sedikit dapat membantu pelajar meneroka elemen-elemen baru yang mampu membawa kepada peningkatan kemajuan.

IS! KANDUNGAN

Isi

Hal am an Pemeriksa

Penghargaan

Sinopsis

BAB 1 Pendahuluan

Hipotesis

Objektif kajian

Skopkajian

Methodologi

BAB 2 Dasar Pendidikan di Malaysia

2.1 Falsafah Pendidikan Negara

2.2 Tujuan Program Pendidikan

Kerajaan dan Aktiviti.

BAB 3 Pendidikan Awam di Malaysia

3.1 Pendidikan Sekolah Rendah

3.2 Pendidikan Sekolah Menengah

3.2.1 Tahap Menengah Rendah

3.2.2 Tahap Menengah Alas

3.3.3	Tahap Pra Universiti	16
3.3	Pendidikan Tinggi	17
3.3.1	Pendidikan Politeknik	17
3.3.2	Pendidikan Universiti	18
3.4	Sekolah Bestari	19
3.4.1	Maksud Sekolah Bestari	20
3.4.2	Sistem Pembeiajaraan Sekolah Bestari	20
3.4.3	Teknologi Sekolah Bestari	20
BAB 4 Kajian Permasalahan		23
4.1	Takrifan Beg Sekolah	24
4.2	Sejarah Penggunaan Beg Sekolah	24
4.3	Jenis-Jenis Beg	26
4.4	Bahan Buatan	29
4.5	Permasalahn Beg	42
BAB 5 Kajian Permasalahan		47
5.1	Kajian Terhadap Penggunaan buku Teks Buku Latihan, dan Buku Tulis.	48
5.2	Kajian Terhadap Muatan Yang dibawa oleh pelajar.	51